

**PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN  
UNDANGAN UNTUK MEMBERI ULASAN**

No. Rujukan : ES16120002  
Kepada : Semua Pihak yang Berkepentingan  
Tarikh : 27 Mei 2024  
Tajuk : **Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pensijilan Semula Terhadap Unit Pengurusan Hutan (FMU) Melatai-Para Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan PEFC MTCS**

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM QAS International) akan menjalankan audit pensijilan semula untuk pensijilan pengurusan hutan di FMU Melatai-Para yang diuruskan oleh Solid Hartabina Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International adalah badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia. Penilaian pensijilan akan menilai amalan pengurusan hutan yang dilakukan oleh FMU Melatai-Para menurut standard *Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Lestari (MC&I SFM)*, berkaitan dengan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Sesaliran standard ini boleh didapati di laman sesawang Malaysian Timber Certification Council (MTCC) [www.mtcc.com.my](http://www.mtcc.com.my). Audit pensijilan semula ini akan dijalankan pada 25 – 28 Jun 2024.

Maklumat FMU Melatai-Para adalah seperti berikut:

|                                |                           |
|--------------------------------|---------------------------|
| Lokasi                         | Kapit, Sarawak            |
| Saiz FMU                       | 49,524 ha                 |
| Jenis Hutan                    | <i>Dry Inland Forest</i>  |
| Spesies Utama                  | <i>Mixed Dipterocarps</i> |
| Sistem Pengurusan Hutan Semasa | Pengurusan Hutan Lestari  |

Kumpulan penilai yang ditugaskan untuk menjalankan penilaian terhadap FMU tersebut adalah;

- 1) Khairul Najwan Ahmad Jahari – *Lead Auditor*
- 2) Mohd Razman Salim– *Auditor*
- 3) Mohd Fekri Zulkafli– *Auditor*

Berikut adalah penerangan ringkas proses dan jadual penilaian:

1. Jemputan kepada umum untuk meminta memberikan komen terhadap FMU;
2. Perancangan penilaian dan semakan dokumen;
3. Penilaian lapangan ke atas beberapa sampel kawasan hutan dan operasi di dalam FMU;
4. Perundingan pemegang berkepentingan melibatkan temubual tertutup, perbincangan atau mesyuarat kumpulan kecil bersama penduduk tempatan di sekitar FMU;
5. Mesyuarat penutup dengan wakil FMU untuk membentangkan penemuan awal penilaian;
6. Penyediaan draf laporan penilaian yang menerangkan proses penilaian, penemuan dan cadangan ke atas pensijilan;
7. *Peer review* ke atas draf laporan penilaian oleh dua *peer reviewers* bebas;



ACB ABMS 01  
ACB EnMS 01  
ACB FMC 02  
ACB GMP 04  
ACB HACCP 03  
ACB MSPO 05  
ACB PS 03  
MIBAS 003



ACB EMS 02  
ACB FSMS 01  
ACB ISMS 01  
ACB MQMS 04  
ACB OSHMS 01  
ACB PC 01  
ACB QMS 01



SAMM 085  
SAMM 086  
SAMM 087  
SAMM 240  
SAMM 377  
SAMM 734  
SAMM 735



0074



SIRIM QAS International  
is a member of:



8. Penyerahan laporan akhir penilaian kepada Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan SIRIM QAS International; dan
9. Pendedahan ringkasan kepada umum, sekiranya pensijilan diberikan kepada FMU tersebut.

Sebagai salah satu daripada bahagian terpenting dalam proses pemantauan pengurusan hutan, SIRIM QAS International mengundang semua pemegang berkepentingan untuk memberi pendapat dan maklumbalas ke atas amalan pengurusan hutan dari FMU Melatai-Para berpandukan *MC&I SFM*. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti di bawah:

1. Perlindungan alam sekitar;
2. Pemuliharaan kepelbagaian biologi;
3. Peluang pekerjaan;
4. Hubungan komuniti dan hak pekerja;
5. Manfaat dari hutan;
6. Hubungan anda dengan FMU;
7. Cadangan penambahbaikan.

Semua pihak berkepentingan yang ingin memberikan input dan komen boleh juga melayari laman sesawang SIRIM QAS International di [www.sirim-qas.com.my](http://www.sirim-qas.com.my) atau menghubungi pegawai yang menandatangani surat ini untuk memberi komen atau input secara rahsia. SIRIM QAS International mengalu-alukan maklumbalas, baik positif mahupun negatif melalui surat, faks atau emel. Walau bagaimanapun, SIRIM QAS International berharap untuk menerima ulasan atau maklumbalas sebelum atau semasa pemantauan dijalankan dengan menggunakan slip jawapan yang dilampirkan bersama surat ini. Maklumbalas daripada anda amat berharga buat SIRIM QAS International dalam mana-mana tahap proses penilaian.

Segala komen dan maklumbalas anda akan disimpan sebagai sulit oleh SIRIM QAS International dan kumpulan penilai. SIRIM QAS International amat berbesar hati untuk menerima maklumbalas daripada anda.

Kami menghargai usaha dan pandangan anda.

Yang benar,



**KAMINI A/P M. SOORIAMOORTHY**

Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan

Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

No. Tel : 03-5544 6448

**SLIP JAWAPAN**

Tarikh :

Ketua  
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan  
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan  
SIRIM QAS International Sdn Bhd  
Bangunan 4, Tingkat 1, Kompleks SIRIM  
No.1, Persiaran Dato' Menteri  
40700 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN

(u/p : **KAMINI A/P M. SOORIAMOORTHY**)

No. Faks: 03-5544 6763

**Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pensijilan Semula Untuk Unit Pengurusan Hutan (FMU) Melatai-Para.**

Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami mempunyai komen/tidak mempunyai sebarang komen terhadap Unit Pengurusan Hutan (FMU) Melatai-Para untuk ditentukan oleh kumpulan juruaudit yang ditugaskan semasa audit pensijilan semula kelak.

Komen adalah seperti berikut : (sila sertakan lampiran jika ruangan di bawah tidak mencukupi)

---

---

---

---

---

---

---

Pihak kami juga memberi kebenaran/tidak memberi kebenaran kepada SIRIM QAS International untuk mendedahkan identiti organisasi di dalam laporan audit dan rumusan umum (*public summary*) ke atas FMU Melatai-Para.

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Organisasi : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_